

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(VII)29

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

29. Berikan status permohonan untuk pembinaan jalan *slip road* antara Jalan Sultan Azlan Shah dan jalan masuk ke Taman Century, Batu Uban oleh pemaju.
- (a) Sekiranya pemaju tidak mahu membina *slip road* tersebut apakah penyelesaian kepada kejadian kemalangan di jalan masuk dan keluar ke Taman Century.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

29. Pada ketika ini, status permohonan supaya pembinaan *slip road* atau jalan susur antara Jalan Sultan Azlan Shah dengan jalan masuk ke Taman Century, Batu Uban dilaksanakan oleh pihak pemaju masih memerlukan kajian terperinci dan pindaan ke atas pelan jalan dan parit oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi pemajuan di Lot 11784, Batu Uban, Gelugor, Pulau Pinang.
- (a) Sementara menunggu kajian terperinci dan pindaan ke atas pelan jalan dan parit bagi mengadakan *slip road* atau jalan susur antara Jalan Sultan Azlan Shah dengan jalan masuk ke Taman Century, Batu Uban oleh pihak pemaju disiapkan, pihak JKR telah mengambil tindakan dengan memasang dan mengadakan

Tranverse Bar serta *Amber Light* sebagai langkah mengurangkan kemalangan dan kesesakan trafik di jalan tersebut.